



**“1MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**

Rujukan Kami : J.Pel.Pk.(HEM)5123/29 (15)  
Tarikh : 22 April 2013

**Semua Pegawai Pelajaran Daerah**  
Pejabat Pelajaran Daerah Negeri Perak

**Semua Pengetua dan Guru Besar**  
Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan  
Negeri Perak Darul Ridzuan

Tuan,

**SURAT SIARAN KPM BIL. 11/2013 :  
PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI KOPERASI SEKOLAH**

Dengan hormatnya saya merujuk surat **KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld.5(11)** bertarikh 15 April 2013 bagi menerangkan maksud di atas.

2. Sehubungan dengan itu, pihak tuan adalah diminta memastikan keputusan Kementerian Pelajaran Malaysia tidak membenarkan koperasi sekolah menjual makanan dan minuman semasa kantin beroperasi dipatuhi oleh semua sekolah. Namun begitu, pihak koperasi boleh menjual makanan dan minuman semasa kantin tidak beroperasi tertakluk seperti dalam Buku Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat.

3. Bersama ini disertakan salinan Surat Siaran Kementerian Pelajaran Malaysia Bilangan 11 tahun 2013 yang jelas menyatakan maksudnya untuk makluman dan tindakan pihak tuan. Segala kerjasama serta sokongan pihak tuan berikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**(HAJI ROZI BIN PUTEH ISMAIL, AMP., PPT.)**  
Ketua Sektor,  
Sektor Pembangunan Kemanusiaan.  
b.p Pengarah Pelajaran Perak.

- s.k. 1. Pengarah Pelajaran Perak.  
2. Timbalan Pengarah Pelajaran Perak



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN  
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302  
Fax : +603-8888 6680  
Website : <http://www.moe.gov.my/>

KP(BPSH-SPDK)201/005/02 Jld.5 ( 11 )  
15 April 2013

**Semua Pengarah Pelajaran  
Jabatan Pelajaran Negeri**



YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA  
BILANGAN 11 TAHUN 2013**

**PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI KOPERASI SEKOLAH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.


2. Adalah dimaklumkan bahawa isu berkaitan Koperasi Sekolah menjual makanan dan minuman adalah masalah paling utama yang sering dibangkitkan oleh para pengusaha kantin sekolah.
3. Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia sangat memandang berat terhadap isu yang dibangkitkan oleh para pengusaha kantin berhubung Koperasi Sekolah menjual makanan dan minuman yang menjejaskan pendapatan mereka. Selain daripada itu, Kementerian Pelajaran Malaysia juga mengambil berat akan implikasi terhadap pihak pengurusan sekolah sekiranya berlaku keracunan makanan yang melibatkan penjualan di koperasi sekolah.
4. Setelah meneliti dan memperhalusi implikasi tersebut, maka pihak Kementerian Pelajaran Malaysia memutuskan supaya **pihak Koperasi Sekolah tidak dibenarkan menjual makanan dan minuman semasa kantin sekolah beroperasi**. Semasa kantin sekolah tidak beroperasi, pihak koperasi sekolah boleh menjual makanan dan minuman tertakluk seperti dalam Buku Panduan Pengurusan Kantin Sekolah Sihat.

5. Kerjasama YBhg. Datuk/Tuan/Puan adalah dipohon mengambil tindakan sewajarnya dan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, semua Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**DATO' HAJI SUFA'AT BIN TUMIN**  
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Sektor Operasi Pendidikan)  
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.;

1. Setiausaha Sulit Kanan kepada  
YAB Menteri Pelajaran Malaysia
2. Setiausaha Sulit Kanan kepada  
YB Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia I
3. Setiausaha Sulit Kanan kepada  
YB Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia II
4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Pembangunan Profesionalisme Keguruan)
8. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
9. Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia  
Kementerian Pelajaran Malaysia

10. Ketua-Ketua Bahagian  
Kementerian Pelajaran Malaysia
11. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pelajaran Malaysia
12. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pelajaran Malaysia